


**KUALA
LUMPUR
2017**
SUKAN SEA KE-29
SUKAN PARA ASEAN KE-9

Eyin ikrar terus kerja keras

Kuala Lumpur: Atlet wushu negara, Phoon Eyin mengakui berpuas hati dengan apa yang dipersembahkan selepas berjaya meraih dua pingat perak pada temasya Sukan SEA 2017.

Jelas atlet kelahiran Negeri Sembilan itu, pencapaian yang diraih di laman sendiri sudah membuktikan peningkatan yang ditunjukkan terutamanya selepas mengambil kira pencapaian di temasya Sukan SEA 2015 yang menyaksikan dia sekadar merangkul satu pingat perak dan satu pingat gangsa.

Bagaimanapun, pemenang emas Qiangshu wanita di Sukan SEA 2013 itu mengakui perlu berusaha lebih keras dalam usaha meningkatkan lagi kualiti persembahannya memandangkan atlet negara lain yang bertanding menunjukkan peningkatan yang begitu memberangsangkan.

“Dua pingat perak di sini sudah membuatkan saya berpuas hati namun saya akui banyak yang + perlu saya pertingkatkan supaya dapat terus memberi cabaran dalam wushu pada temasya akan datang.



Sasar menang di Kazan

“Saya tewas tipis dalam dua acara yang disertai tetapi saya tidak kecewa. Saya sudah memberikan yang terbaik dan jurulatih turut menyatakan dia berbangga dengan apa yang sudah saya tunjukkan.

“Jadi, pengalaman beraksi di sini akan membantu saya memperkemas lagi persembahan saya bagi menghadapi Kejohanan Wushu Dunia 2017 di Kazan, Russia yang akan berlangsung bulan hadapan,” katanya ketika ditemui pemberita di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Hanya 0.01 mata membezakan atlet berusia 21 tahun itu dengan pingat emas acara Qiangshu wanita apabila catatan 9.66 matanya tidak berjaya mengatasi catatan 9.67 yang dilakukan atlet Vietnam, Duong Thuy Vi sementara pemenang pingat emas 2015, Oo Sandy dari Myanmar sekadar berpuas hati dengan gangsa selepas mencatat 9.65 mata.



Phoon Eyin